

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah)

NAMA JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
--------------	--

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	KEJURUTERAAN
Gred Jawatan	:	JA29
Jumlah kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	RM1,549.00 – RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 145.00
Jabatan	:	PERANCANGAN DAN LANDSKAP
Taraf Jawatan	:	KONTRAK BERWARAN

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Sijil dalam bidang Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - d. Diploma dalam bidang Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

Mempunyai kelayakan seperti dalam perenggan 1 di atas; atau

- i. Lulus Peperiksaan Khas; dan
- ii. Had umur pelantikan:
 - a. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.